

26/09/2003

MAVCAP akan umum penerima perintis dana

PROGRAM Pelaburan Cradle, yang diuruskan oleh Malaysia Venture Capital Management (MAVCAP), akan mengumumkan penerima perintis gerannya Isnin depan.

Pengumuman ini dibuat selepas dua bulan Program Pelaburan Cradle diperkenalkan pada pertengahan Julai lalu.

Calon berjaya akan diumumkan di majlis rasmi pelancaran Cradle pada 29 September sempena Hari Kualiti 2003 yang dijangka akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Eksekutif MAVCAP, Mohd Azwar Mahmud, berkata Cradle adalah program bantuan kewangan peringkat permulaan yang pertama di Malaysia bagi membantu individu dan syarikat untuk mengembangkan idea baru mereka dengan penyediaan geran bernilai sehingga RM50,000 bagi setiap idea, bantuan teknikal dan program mentor.

Katanya, matlamat utama program Cradle ialah untuk menggalakkan sesiapa saja yang mempunyai idea baik untuk menyertai serta membangunkannya bagi menjadi peluang perniagaan menguntungkan.

"Pencipta idea ini adalah kumpulan pemohon pertama yang menyerahkan idea mereka untuk dinilai oleh Cradle dan seterusnya diluluskan oleh Kementerian Kewangan yang mana proses ini mengambil masa lebih kurang sepuluh minggu.

"Dalam jangka masa panjang, program Cradle berusaha merapatkan jurang nilai inovasi iaitu daripada peringkat penjanaan idea kepada peringkat mengkomersialkannya," katanya dalam kenyataan dikeluarkan di Kuala Lumpur, Rabu lalu.

Mohd Azwar berkata, penyerahan idea dilakukan menerusi laman web Cradle di [www.cradle.com.my](http://www.cradle.com.my) dan idea akan dinilai secara berperingkat-peringkat, iaitu mengikut kumpulan dan diserahkan kepada penganjur sebelum 15 hari bulan setiap bulan.